

IMPROVEMENT IN TEACHING *MUTASHABIH LAFAZ* VERSES: STUDY IN DARUL QURAN, JAKIM AND DEPARTMENT OF AL-QURAN AND AL-QIRAAT KUIS

PENAMBAHBAIKAN PENGAJARAN HAFAZAN AYAT *MUTASHABIH LAFAZ*: KAJIAN DI DARUL QURAN, JAKIM DAN JABATAN AL-QURAN DAN AL-QIRAAT KUIS

Abd Muhaimin Ahmadⁱ, Muhammad Hafiz Salehⁱⁱ, Muhammad Arif Musaⁱⁱⁱ, Norakyairee Mohd Raus^{iv}
& Khairul Anuar Muhammad^v

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
muhaimin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mhafiz@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. arif@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
norakyairee@usim.edu.my

^v Profesor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. khairul@usim.edu.my

Article Progress

Received: 31st October 2018

Revised: 20th December 2018

Accepted: 9th January 2019

Abstract	<p><i>There are challenges and difficulties in memorizing the Quran and therefore it requires an effective and systematic method to facilitate students to memorize as well to retain the Quran. Among the biggest challenge faced by a student is to remember the mutashabih lafaz verses which appear to be similar to one another. The difficulty in memorizing and remembering the mutashabih lafaz verses requires specific teaching and learning methods from the institutions of tahfiz, teachers and students. Therefore, the objective of the study is to identify the accentuation and implementation of teaching mutashabih lafaz verse in tahfiz institutions and their lecturers, by making Darul Quran Jakim and Department of al-Quran and al-Qiraat, KUIS as research locations. This study was developed based on qualitative method using semi structured interviews as research instrument. Two experienced tahfiz teachers from each institution were selected as participants. The study found that there is no reference book nor specific teaching method been used officially in teaching mutashabih lafaz verses, even though the quality of memorization of these verses among students is weak.</i></p> <p>Keywords: <i>Memorization, al-Quran, mutashabih, lafaz, students.</i></p>
Abstrak	<p><i>Menghafaz al-Quran mempunyai cabaran dan kesukaran yang memerlukan kepada metode hafazan yang berkesan dan bersistematik bagi membantu dan memudahkan proses menghafaz dan menjaganya dari lupa. Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingati ayat-ayat mutashabih lafaz, iaitu ayat-ayat al-Quran yang sama atau hampir sama dari sudut lafaznya. Kesukaran dalam menghafaz dan mengingati ayat-ayat mutashabih lafaz ini menuntut kepada pengajaran dan pembelajaran khusus sama ada dari pihak institusi tahfiz, guru dan juga pelajar. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti penekanan dan pelaksanaan pengajaran ayat mutashabih lafaz di institusi tahfiz al-Quran, dengan menjadikan Darul</i></p>

<p><i>Quran Jakim dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat KUIS sebagai lokasi kajian. Kajian ini dibina berdasarkan metodologi kualitatif yang menggunakan metode temubual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Dua orang guru tahfiz berpengalaman daripada setiap institusi dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini mendapati bahawa tiada buku rujukan serta metode pengajaran yang khusus digunakan secara rasmi dalam pengajaran ayat mutashabih lafaz, meskipun tahap penguasaan hafazan ayat tersebut dalam kalangan pelajar adalah lemah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Hafazan, al-Quran, mutashabih, lafaz, pelajar.</i></p>
--

PENDAHULUAN

Ayat *mutashabih lafaz* merupakan ayat al-Quran yang berulang dengan lafaz yang hampir sama tetapi berbeza sama ada secara pendahuluan (*taqdim*) atau pengakhiran (*ta'akhir*), penambahan (*ziyadah*) atau pengurangan (*naqs*), dan penukaran (*ibdal*) huruf atau kalimah (al-Iskafi, 2012; Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003; al-Kirman, t.th.).

Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingati ayat-ayat *mutashabih lafaz* ini (Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003). Cabaran ini bertambah besar dengan jumlah ayat *mutashabih lafaz* yang banyak melebihi 2000 ayat (al-Warraqi, t.th). Cabaran yang besar ini menuntut pihak institusi tahfiz dan juga pensyarah atau guru merangka suatu metode dan metodologi pengajaran yang efektif bagi memantapkan hafazan al-Quran pelajar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Isu kesukaran menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz* telah dikemukakan oleh para ulama sejak dahulu lagi. Kajian-kajian terkini turut membuktikan bahawa penguasaan pelajar yang sederhana dalam aspek ini memerlukan suatu metode pengajaran yang khusus bagi meningkatkan kualiti hafazan pelajar. Namun sejauh mana perkara ini ditangani di peringkat institusi pengajian tahfiz masih menimbulkan tanda tanya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan terhadap mengenal pasti penekanan dan pelaksanaan pengajaran ayat mutashabih lafaz di institusi tahfiz al-Quran, dengan menjadikan Darul Quran Jakim dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat KUIS sebagai lokasi kajian.

Kajian ini dibina berdasarkan metodologi kualitatif yang menggunakan metode temubual separa berstruktur sebagai instrumen kajian, manakala empat orang guru tahfiz berpengalaman (mempunyai pengalaman melebihi lima tahun) yang mewakili setiap institusi adalah sebagai peserta kajian. Justifikasi pemilihan peserta adalah kerana mereka terlibat dengan pengajaran kursus tahfiz al-Quran di institusi yang menawarkan kurikulum hafazan al-Quran 30 juzuk, di samping memiliki pengalaman lebih daripada lima tahun memberikan mereka gambaran dan senario yang jelas berkaitan hafazan ayat *mutashabih lafaz* dalam hafazan al-Quran.

Metode temubual digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan metode yang digunakan dalam pengajaran tahfiz, khususnya dalam menangani kesukaran mengingati dan membezakan ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Setiap peserta kajian diajukan lima soalan berkaitan isu yang dikaji iaitu:

- i. Pencapaian pelajar dalam menghafaz dan mengingati ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Soalan ini perlu bagi memastikan kesahan isu yang menjadi perbincangan kajian dan temubual ini, iaitu kelemahan pelajar dalam mengingati ayat mutashabih lafaz wujud di kedua-dua institusi kajian.
- ii. Metode pengajaran yang ditetapkan oleh institusi dan guru khususnya berkaitan hafazan ayat *mutashabih lafaz*. Soalan ini dikemukakan bagi mengenalpasti pendekatan yang ditetapkan dan digunakan oleh institusi dan guru di dalam sesi pengajaran.

- iii. Penggunaan buku rujukan berkaitan ayat *mutashabih lafaz*. Soalan ini diajukan bagi mengetahui penggunaan buku rujukan secara rasmi atau tidak rasmi, yang menghimpunkan ayat mutashabih lafaz bagi memudahkan pelajar mengetahui kedudukan ayat-ayat tersebut.
- iv. Kelengkapan buku rujukan tersebut di perpustakaan institusi. Soalan ini dikemukakan bagi mengetahui kemudahan buku rujukan berkaitan yang disediakan oleh institusi kepada pelajar di perpustakaan dan kepekaan pensyarah terhadap rujukan-rujukan ini.
- v. Cadangan khusus meningkatkan prestasi hafazan pelajar khususnya berkaitan mengingat ayat-ayat mutashabih lafaz. Menerusi soalan ini, para peserta kajian boleh mengemukakan cadangan mereka bagi penambahbaikan aspek pengajaran ayat mutashabih lafaz berdasarkan pengalaman mereka di dalam bidang tahfiz al-Quran.

Data daripada temubual ini ditranskrip dan kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti.

KAJIAN LITERATUR

Menghafaz al-Quran mempunyai cabaran dan kesukaran yang memerlukan kepada metode hafazan yang berkesan dan bersistematik bagi membantu dan memudahkan proses menghafaz dan menjaganya dari lupa (Mohd Fazri, 1999). Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingat ayat-ayat *mutashabih lafaz*, iaitu ayat-ayat al-Quran yang sama atau hampir sama pada sudut lafaznya (Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003).

Keyataan ini disokong oleh Abdul Hafiz et.al (2005) menerusi kajian beliau yang mendapati bahawa 60% daripada 368 orang responden kajian yang dilakukan di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Terengganu bersetuju bahawa ayat-ayat *mutashabih lafaz* yang banyak terdapat dalam al-Quran seperti dalam surah al-Waqi'ah, Yasin dan sebagainya boleh menyebabkan kekeliruan kepada pelajar. Seramai 90% responden kajian tersebut bersetuju bahawa menjadi kewajiban bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat *mutashabih lafaz* supaya tidak berlaku kekeliruan.

Antara metode yang disarankan untuk memantapkan hafazan ayat-ayat *mutashabih lafaz* ini adalah dengan melakukan catatan pada mushaf atau buku log khusus, bagi mengenal pasti kumpulan ayat-ayat *mutashabih lafaz* tersebut dan memudahkan rujukan sekiranya berlaku kekeliruan dan kelupaan (Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003; Muhammad Talhah, 2003).

Kajian Abdul Hafiz et.al (2005) mendapati hanya 51% responden kajian yang mencatat ayat-ayat *mutashabih lafaz* pada buku log yang dikhususkan menangani kesukaran menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Manakala 81% repondan hanya membuat tanda tempat yang menjadi perbezaan Antara ayat-ayat *mutashabih lafaz* dan menghafaz serta mengingat dengan betul tempat yang menjadi perbezaannya.

Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2014) menyatakan bahawa pelajar tahfiz tidak memberikan penekanan sebaiknya dalam menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Ini berdasarkan kepada skor sederhana baik (min 3.69) dalam respon mereka terhadap salah satu teknik pembelajaran dan pengajaran tahfiz, iaitu memberi tumpuan kepada ayat *mutashabih lafaz*.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti metode pelaksanaan pengajaran tahfiz al-Quran dalam kalangan pensyarah dan guru tahfiz al-Quran dengan penekanan kepada metode pengajaran hafazan ayat *mutashabih lafaz*. Kajian ini penting dalam usaha merangka metode pengajaran yang efektif bagi memantapkan hafazan al-Quran pelajar tahfiz.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian terhadap metode pengajaran hafazan ayat *mutashabih lafaz* dianalisis menggunakan metode deduktif dalam mendapatkan metode yang diterapkan oleh dua buah institusi tahfiz iaitu Darul Quran Jakim dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Temubual ini dijalankan bersama empat peserta kajian, iaitu Peserta Kajian 1 (PK1), Peserta Kajian 2 (PK2), Peserta Kajian 3 (PK3) dan Peserta Kajian 4 (PK4). Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan seperti berikut:

Pencapaian Pelajar Dalam Menghafaz Dan Mengingati Ayat-Ayat *Mutashabih Lafaz*

Semua peserta kajian menyatakan bahawa majoriti pelajar tahfiz berada di tahap lemah dan menghadapi masalah dalam menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz*. PK2 menyatakan bahawa masalah ini dapat dilihat menerusi keraguan pelajar dalam bacaan hafazan mereka seperti tertukar baris serta ayat dan hanya sebilangan kecil pelajar mampu menguasai ayat *mutashabih lafaz*.

Manakala PK3 menyatakan bahawa kesan pencapaian yang lemah ini dapat dilihat pada keputusan peperiksaan, apabila hanya sebahagian kecil pelajar sahaja yang lulus dengan cemerlang, sebahagian besar lulus dengan tahap sederhana dan selebihnya tidak lulus kursus hafazan al-Quran.

Metode Penerangan Ayat-Ayat *Mutashabih Lafaz* Kepada Pelajar Ketika Sesi Pengajaran

Dalam aspek metode yang diterapkan dalam menerangkan ayat-ayat *mutashabih lafaz* kepada pelajar ketika sesi pengajaran, semua peserta kajian menyatakan bahawa tiada metode khusus yang ditetapkan atau diwajibkan oleh pihak institusi. Sebaliknya guru tahfiz menggunakan metode sendiri dan ia bergantung kepada latar belakang pendidikan guru.

Antara metode adalah menguji hafazan pelajar secara soalan rawak (tebuk), menjelaskan pemahaman makna ayat yang berfungsi sebagai klu agar tidak terkeliru dengan ayat-ayat *mutashabih lafaz*, memberi isyarat kepada ayat *mutashabih lafaz* dengan menyatakan tempat atau surah wujudnya sesuatu *mutashabih lafaz* dan penerangan bentuk *mutashabih lafaz* sama ada *taqdim* atau *ta'khir* dan lain-lain.

Penetapan Buku Rujukan Secara Rasmi Atau Tidak Rasmi Bagi Memudahkan Pelajar Menghafaz Ayat *Mutashabih Lafaz*

Semua peserta kajian menyatakan bahawa pihak institusi tidak membekalkan pensyarah buku rujukan secara rasmi atau tidak rasmi bagi memudahkan pelajar menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz*, dan pelajar hanya merujuk mushaf al-Quran sewaktu menghafaz.

Walau bagaimanapun, RK2 dan RK4 menyatakan bahawa mereka secara peribadi dan secara tidak rasmi mencadangkan beberapa kitab kepada murid beliau untuk dijadikan rujukan. Pelajar diminta untuk membaca rujukan tersebut sendiri dan tidak dipaksa untuk membaca kitab tersebut, sebaliknya diberi kebebasan berdasarkan cadangan guru.

Perpustakaan Institusi Ini Dilengkapi Dengan Rujukan Berkaitan Ayat-Ayat *Mutashabih Lafaz*

Penyediaan rujukan yang lengkap dalam bidang tahfiz khususnya buku-buku berkaitan ayat *mutashabih lafaz* merupakan suatu yang penting dalam membantu mengukuhkan hafazan pelajar. Berkaitan kemudahan buku rujukan berkaitan ayat-ayat *mutashabih lafaz* yang disediakan di perpustakaan institusi, PK1 dan PK2 menyatakan bahawa perpustakaan institusi mereka ada menyediakan beberapa judul buku rujukan berkaitan tersebut, namun kuantiti bahan rujukan tersebut adalah tidak banyak.

Manakala PK3 dan PK4 tidak pasti sama ada terdapat sebarang rujukan khusus berkenaan ayat *mutashabih lafaz* disediakan di dalam perpustakaan institusi mereka.

Cadangan Khusus Meningkatkan Prestasi Hafazan Pelajar Khususnya Berkaitan Mengingati Ayat-Ayat *Mutashabih Lafaz*

Dalam rangka usaha meningkatkan prestasi hafazan pelajar khususnya berkaitan mengingati ayat-ayat *mutashabih lafaz*, tiga daripada peserta kajian, iaitu PK1, PK2 dan PK3 mencadangkan agar disediakan buku rujukan yang menyenaraikan ayat-ayat *mutashabih lafaz* dalam silibus setiap semester pengajian.

Selain daripada penyediaan buku rujukan khusus berkaitan ayat *mutashabih lafaz* yang ditetapkan oleh pihak institusi, PK2 turut mencadangkan agar pelajar mendapatkan rujukan di laman-lama web bagi membantu mereka menguasai ayat-ayat tersebut.

Di samping itu, PK3 dan PK4 mencadangkan agar pendekatan yang tegas bagi membantu meningkatkan prestasi pelajar khususnya berkaitan ayat *mutashabih lafaz*. Hanya pelajar yang lancar boleh meneruskan hafalan atau ulangan (*i'adah*) ke juzuk yang seterusnya. Guru berpandangan bahawa sangat penting untuk pelajar memantapkan hafalan yang lama secara keseluruhannya bermula dengan ayat-ayat biasa kerana ia menjadi asas kepada hafazan ayat *mutashabih lafaz* yang lebih sukar.

Selain daripada itu, terdapat cadangan-cadangan lain yang dikemukakan oleh PK3 iaitu penggunaan metode penulisan yang memerlukan pelajar untuk menulis ayat hafalan di dalam buku sebelum memperdengarkan hafalan tersebut kepada guru, serta penerapan metode menguji hafazan pelajar secara soalan rawak (tebuk) ketika sesi *tasmi'*. PK3 turut mencadangkan sesi pengulangan khas bagi ayat-ayat *mutashabih lafaz* dilakukan.

PERBINCANGAN

Menerusi analisis temubual yang dijalankan, semua peserta kajian menyatakan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam menghafaz ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Majoriti pelajar masih lagi ragu-ragu, tertukar baris dan tertukar ayat dan hanya sebilangan kecil pelajar mampu menguasai ayat-ayat *mutashabih lafaz*. Kesan dapat dilihat pada keputusan peperiksaan, apabila hanya sebahagian kecil pelajar sahaja yang lulus dengan cemerlang, sebahagian besar lulus dengan tahap sederhana dan selebihnya tidak lulus kursus hafazan al-Quran. Hal ini membuktikan bahawa terdapat keperluan yang mendesak kepada penambahbaikan dalam metode pengajaran hafazan al-Quran khususnya berkaitan ayat *mutashabih lafaz*.

Meskipun pencapaian pelajar masih di tahap yang lemah dalam menguasai hafazan ayat-ayat ini, semua peserta kajian menyatakan bahawa tiada penekanan terhadap metode pengajaran khusus yang diterapkan dan ditetapkan oleh pihak institusi dalam menerangkan ayat-ayat *mutashabih lafaz* kepada pelajar ketika sesi pengajaran. Sebaliknya guru menggunakan metode pengajaran sendiri dan penekanan mereka terhadap aspek ini berbeza-beza bergantung kepada latar belakang pendidikan guru.

Antara metode sedia ada yang digunakan dalam menguasai ayat *mutashabih lafaz* ini adalah teknik menguji hafazan pelajar secara soalan rawak (tebuk), penerangan terhadap makna ayat yang berfungsi sebagai klu agar tidak terkeliru dengan ayat *mutashabih lafaz* yang lain, isyarat kepada ayat *mutashabih lafaz* dengan menyatakan tempat (surah dan ayat) yang menjadi kesamaran kepada pelajar, dan penerangan bentuk persamaan dan keserupaan (*tashabuh*) sama ada *taqdim* atau *ta'akhir* dan lain-lain.

Di dalam aspek penetapan dan penyediaan kemudahan buku yang dapat membantu mengukuhkan hafazan pelajar khususnya berkaitan hafazan ayat *mutashabih lafaz*, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua institusi tidak menetapkan sebarang buku rujukan. Jika ada, ia hanyalah inisiatif sendiri daripada pensyarah.

Di samping itu, sebahagian guru (dua daripada peserta kajian) tidak pasti akan kewujudan buku-buku berkaitan ayat *mutashabih lafaz* ini di perpustakaan institusi mereka. Ini menunjukkan bahawa sebahagian pensyarah tahfiz kurang mengambil penekanan kepada kepentingan buku-buku tersebut dalam membantu mengukuhkan hafazan pelajar, khususnya dalam menyedarkan para pelajar terhadap kepentingan buku-buku tersebut.

Dalam rangka usaha meningkatkan prestasi hafazan pelajar khususnya berkaitan mengingat ayat-ayat *mutashabih lafaz*, tiga daripada peserta kajian mencadangkan agar disediakan buku rujukan yang menyenaraikan ayat-ayat *mutashabih lafaz* dalam silibus setiap semester pengajian.

Selain itu, terdapat cadangan-cadangan lain yang dikemukakan seperti penerapan pendekatan yang tegas bagi membantu meningkatkan prestasi pelajar khususnya berkaitan ayat *mutashabih lafaz* dengan hanya membenarkan pelajar yang telah lancar boleh meneruskan hafalan atau ulangan (*i'adah*) ke juzuk yang seterusnya.

Tambahan lagi, penggunaan metode penulisan yang memerlukan pelajar untuk menulis ayat hafalan di dalam buku sebelum memperdengarkan hafalan di hadapan guru, penerapan sistem menguji hafazan pelajar secara soalan rawak (tebuk) ketika sesi tasmī', serta sesi pengulangan khas bagi mengingat ayat *mutashabih lafaz* turut dicadangkan.

PENUTUP

Kajian ini mendapati bahawa terdapat keperluan kepada penambahbaikan dalam metode pengajaran tahfiz khusus berkaitan ayat *mutashabih lafaz*. Ini kerana didapati bahawa pencapaian pelajar adalah lemah dalam mengingat ayat-ayat tersebut yang menuntut kepada metode pengajaran khusus perlu diterapkan dan ditetapkan oleh pihak institusi dalam sesi pengajaran. Namun kajian ini mendapati bahawa tiada metode pengajaran mahu pun rujukan khusus ditetapkan dan disediakan oleh pihak institusi.

Bahkan, metode pengajaran yang diamalkan dalam perkara ini adalah berbeza-beza mengikut latar belakang pendidikan guru. Dalam rangka usaha meningkatkan prestasi hafazan pelajar khususnya berkaitan mengingat ayat *mutashabih lafaz*, majoriti peserta kajian berpendapat bahawa perlu disediakan buku rujukan yang menyenaraikan ayat-ayat tersebut, di samping teknik-teknik yang lain seperti menguji hafazan pelajar secara soalan rawak (tebuk), mewujudkan sesi pengulangan khas bagi mengingat ayat *mutashabih lafaz* dan pendekatan yang tegas dalam pengajaran.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada geran penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia yang bertajuk: Mushaf *Mutashabih lafaz* bagi Pemantapan Hafazan Huffaz al-Quran: Analisis Keperluan, Kod Penyelidikan: PPP/USG-0216/FPQS/30/16016. Penghargaan juga kepada pensyarah dan guru Tahfiz al-Quran Darul Quran Jakim dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang menjadi peserta kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat. 2005. *Sistem Pembelajaran dan Metode Hafazan Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Khalid Shukri & Firas al-'Auratani. 2003. *I'anat al-Murid Li Hifz al-Qur'an al-Majid*. 'Amman: Jam'iyah al-Muhafazah 'Ala al-Qur'an al-Karim.
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. 2014. *Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan al Qur'an Para Pelajar*. UPSI: Jurnal Perpektif. Issue 2.
- Al-Iskafi, Muhammad bin 'Abdillah. 2001. *Durrah al-Tanzil wa Ghurrah al-Ta'wil*. Makkah al-Mukarramah: Ma'had al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Al-Kirmani, Mahmud bin Hamzah. t.th. *Asrar al-Tikrar fi al-Qur'an*. Dar al-Fadilah.
- Al-Gharnati, Ahmad bin Ibrahim. 1971. *Milak al-Ta'wil*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Warraqiyy, 'Abdullah 'Abdul Hamid. t.th. *Ighasah al-Luhfan Fi Dabt Mutashabih al-Qur'an*. Iskandariah: Dar al-Iman.
- Muhammad Talhah Bilal. 2003. *I'anat al-Huffaz Li al-Ayat al-Mutashabihat al-Alfaz*. Jeddah: al-Hai'ah al-'Alamiyyah Li Tahfiz al-Qur'an al-Karim.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.